

UTUSAN MALAYSIA

# Mega

MIMBAR



BERJUANG DEMI IMPIAN 25

# TANGANI HISTERIA IKUT ISLAM



Oleh HASHNAN ABDULLAH  
agama@utusan.com.my



**G**EJALA histeria diakui memang mengganggu kehidupan harian mangsanya. Gangguan pada emosi, sama ada kerana tekanan hidup atau terlihat makhluk ghaib menyebabkan mangsa lebih gemar menyendiri dan sukar untuk tampil ceria ketika berada bersama khalayak.

Keadaan itu menyebabkan prestasinya sama ada dalam pelajaran atau kerjaya menjadi meredum. Mereka mungkin berusaha untuk menangani gangguan itu tetapi disebabkan keadaan persekitarannya, usaha itu sering menjadi sia-sia.

Namun begitu, usaha untuk tangani gejala yang kini dilihat menjadi serius itu turut dilakukan oleh pelbagai pihak, sama ada sektor swasta mahupun kerajaan.

Antaranya adalah



FARIZA MD. SHAM



sekumpulan penyelidik dari Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor yang tampil dengan Modul Psikologi Islam

(HysPPI). Menurut ketua kumpulan itu, **Prof. Madya Dr. Fariza Md. Sham**, modul tersebut memberi tumpuan kepada aspek

prevenasi dan pemulihan jiwa, bukannya semasa gejala histeria berlaku kerana ia di luar kepakaran kumpulan berkenaan. "Modul itu untuk mengenal

pasti gejala atau tanda-tanda awal histeria dan aspek pemulihan semangat serta emosi mangsa dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan," kata pakar psikologi Islam itu.

Beliau berkata demikian pada Wacana Hadhari bertajuk, 'Histeria: Fenomena Psikologi atau Rasukan' di UKM, baru-baru ini.

Selain Fariza, Timbalan Setiausaha Bahagian Psikologi dan Kaunseling Kementerian Pendidikan, **Engliman Roslan** turut tampil sebagai pembentang kertas kerja pada wacana itu.

Mengulas lanjut, Fariza memberitahu, modul itu mencadangkan agar mangsa histeria perlu melalui kaunseling Islam atau Syarie agar taqarrub (dekatkan diri) kepada Allah SWT menjadi lebih mantap.

"Untuk itu, zikirullah dan ayat-ayat al-Quran berkaitan digunakan bagi memastikan emosi atau jiwanya lebih tenteram dan kuat ketika berdepan dengan gangguan

berupa tekanan hidup atau benda ghaib.

"Begitu juga pengamalan surah-surah Ruqyah seperti al-Fatihah, al-Baqarah (ayat 1-5 dan 284-286), Surah Mu'awizatain (al-Falaq, al-Nas), al-Ikhlash (ayat 1-4) dan al-Mathurat turut diberikan penekanan," katanya.

Usaha tersebut sejajar dengan amalan Psikologi Islam iaitu manusia yang kuat dan tenteram jiwanya, akan sukar mengalami apa-apa gangguan kerana rata-rata remaja yang mengalami histeria adalah kalangan yang lemah semangat.

Ini kerana, Islam menyifatkan manusia yang tidak mempunyai jiwa tenang mempunyai penyakit rohani atau kejiwaan seperti tekanan keterlaluan, ujub dan takbur.

"Ini kerana jika kuat jiwa, tidak mungkin terkena histeria seperti firman Allah SWT dalam Surah ar-Ra'd: 28 bermaksud: "(Iaitu) orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikirullah," katanya.